



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Seksyen Media
Unit Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tel : 03-2617 9812

Faks : 03-2694 1373

e-mel : akhbar@dbkl.gov.my

()dlm.DBKL / JP / 05 / 2010 / 7001-4

MAKLUMBALAS MEDIA

Pengarang
Surat kepada Pengarang
Berita Harian

Kontraktor DBKL buat kerja sambil lewa

Kami merujuk kepada artikel oleh Y Bhg. **Tan Sri Lee Lam Thye, Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia** di dalam ruangan *Surat kepada Pengarang* bertarikh 19 April 2010 dan ingin menjelaskan mengenainya.

Dimaklumkan bahawa DBKL mengenakan syarat di mana jalan-jalan yang dikorek untuk pemasangan paip / kabel perlu diturap semula berukuran kelebaran satu lorong jalan. Bagi kontraktor yang menjalankan kerja pengorekan jalan tanpa mengikut peraturan yang telah ditetapkan, seperti tidak menyediakan *blinkers* pada waktu malam, DBKL akan mengeluarkan notis kesalahan tawaran kompaun kepada kontraktor berkenaan.

Dimaklumkan juga bahawa DBKL telah melaksanakan kerja mengecat kotak kuning di persimpangan Jalan Jejaka dan Jalan Perkasa 2, Taman Maluri.

DBKL menggesa pihak yang berkaitan agar bertanggungjawab dalam menyenggara jalan serta memastikan agar kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan dengan sempurna dan tidak menimbulkan apa-apa kesulitan setelah siap dilaksanakan.

Sekian.

ANWAR BIN MOHD ZAIN

Pengurus Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
22 April 2010
7 Jamadilawal 1431H